

# Amerika akan bina kilang aluminium \$2,400 juta di Sarawak

NEW YORK, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini bahawa Syarikat Reynolds Aluminium telah memutuskan untuk meneruskan projek membina kilang aluminium berharga kira-kira AS\$1,000 juta di Sarawak.

Bellau berkata, selepas berbincang dengan pegawai-pegawai syarikat itu yang diketuai oleh pengerusi bahagian antarabangnya, Encik Louis Reynolds, kedua-dua pihak akan berusaha dengan sebaik-baiknya untuk melaksanakan perusahaan yang menguntungkan itu.

Bellau menerangkan persetujuan mengenai berbagai perkara berkaitan dengan projek itu telah tercapai, hanya perkara yang melibatkan sumber tenaga yang mesti diselesaikan.

Malaysia sedang memikirkan gas sebagai sumber sementara syarikat itu memikirkan tenaga hidro elektrik.

Timbalan Perdana Menteri berkata, syarikat itu sekarang bersetuju dengan pandangan Malaysia dan akan meneruskan projek itu walaupun dengan menggunakan tenaga gas.

Penggunaan gas mungkin melibatkan perbelanjaan yang lebih besar sedikit, tetapi ia akan membolehkan projek itu dijalankan lebih cepat lagi oleh kerana Sarawak mempunyai sumber gas yang banyak.

Mengenai peremuannya dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat Encik Cyrus Vance, bellau berkata, Encik Vance telah membeberikannya tentang persetujuan di rundingan damai Camp David.

Mereka juga telah membincangkan tentang masalah orang pelarian di Malaysia dan hubungan antara Amerika

Syarikat dengan Asean.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Encik Vance berjanji akan membincangkan tentang masalah orang pelarian itu dengan lain-lain negara dan menggunakan pengaruh Amerika Syarikat supaya negara-negara itu menerima lebih ramai orang-orang pelarian itu.

Mengenai Asean, Encik Vance menyatakan hubungan Asean dengan Amerika Syarikat semakin rapat setelah diadakan dialog Amerika-Asean di Washington baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri dan Encik Vance juga telah membincangkan tentang lawatan-lawatan di masa depan rombongan perbadanan pelaburan swasta seberang laut (Opic) dan bank import-eksport Amerika Syarikat ke negara-negara Asean.

Timbalan Perdana Menteri yakin lawatan-lawatan itu akan memperbaiki lagi hubungan perdagangan antara Amerika dengan Asean.

Bellau berkata kehadiran di seminar pelaburan kelmarin adalah di luar dugaan. Sebanyak 250 buah syarikat Amerika telah mendaftarkan nama-nama eksekutif kanan mereka sebagai peserta.

Setengah daripada pengusaha-pengusaha Amerika akan melawat Malaysia tidak lama lagi. Banyak temutannya secara perseorangan telah diadakan dengan pegawai-pegawai kerajaan dan sektor swasta, katanya. — Bernama